



**PESERTA BERSAMA TNC:** Sesi bergambar peserta bengkel bersama-sama Timbalan Naib Canselor HEPA UMS, Prof Madya Dr Raman Noordin.

## PPPH dan MAPeK berkolaboratif anjurkan Bengkel Autonomi Kolej Kediaman UMS

UB 27.02.2015

**KOTA KINABALU:** Pusat Perumahan Pelajar dan Hospitaliti (PPPH) dan Majlis Pengetua Kolej Kediaman (MAPeK) UMS baru-baru ini berjaya menganjurkan Bengkel Autonomi Kolej Kediaman UMS.

Bengkel yang dijalankan ini melibatkan pihak PPPH, MAPeK, barian mantan Pengetua Kolej Kediaman UMS, Pengetua Kolej Kediaman UMS terkini, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Bendahari, JPP, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar dan

Pejabat Penasihat Undang-Undang UMS.

Terdahulu di dalam ucapan perasmian program yang disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor HEPA UMS Prof Madya Dr Raman Noordin, beliau berkata bengkel ini merupakan suatu usaha di dalam memperkasakan Kolej Kediaman dalam aspek tadbir urus seterusnya memastikan ia berkembang dan membantu kepada pelaksanaan gerak kerja dan pencapaian yang lebih baik di masa hadapan.

Menurut Pengarah Pusat Perumahan Pelajar dan Hospitaliti UMS Talib Abdullah Shani, pengajuran bengkel ini merupakan suatu usaha yang signifikan seterusnya menyokong Kolej Kediaman sebagai pusat lanjutan dan lengkap kepada sistem pendidikan universiti yang berteraskan semangat integrasi nasional di samping memelihara kesejahteraan dan keharmonian warganya.

Di antara pengisian sepanjang bengkel itu

antaranya termasuklah sesi perkongsian pengalaman dan penerangan mantan Pengetua Kolej Kediaman UMS, Jabatan Bendahari, JPP, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar dan lain-lain lagi.

Bengkel dilanjutkan dengan sesi perbincangan dan pembentangan resolusi autonomi Kolej Kediaman yang akan dikemas kini dan seterusnya diangkat ke peringkat pengurusan tertinggi UMS bagi penyeiarasan di semua peringkat Kolej Kediaman UMS.